



**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA, MALAYSIA**  
No 20, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 WP PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon : 603-80008000  
Faks : 603-88808288  
Laman Web : [www.jpn.gov.my](http://www.jpn.gov.my)  
E-mel : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

---

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR TAMIL NESAN BERTAJUK "5 ORANG DARI KELUARGA YANG SAMA TIADA SIJIL KELAHIRAN ADUAN TERHADAP JPN" BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2016, KHAMIS– M.S: 5**

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Sathyamurthy berkaitan permohonan sijil kelahiran lima (5) beradik yang masih belum selesai.

Hasil semakan mendapati Encik Ramasamy dan Puan Sellanah telah mengemukakan permohonan pendaftaran lewat kelahiran di JPN Shah Alam bagi lima (5) orang anak mereka iaitu Mageswari (35 tahun), Sarwanan (25 tahun), Vijaya Kumari (17 tahun), Vijay Kumar (17 tahun) dan Santhirasegeran (16 tahun). Ingin dimaklumkan, kesemua anak pengadu dilahirkan di rumah dan tiada dokumen sokongan mengenai kelahiran tersebut berlaku.

Ingin dijelaskan bahawa setiap permohonan pendaftaran lewat kelahiran yang berlaku di rumah perlu melalui beberapa prosedur termasuk proses temuduga. Namun demikian, terdapat keraguan dan percanggahan pada keterangan yang dikemukakan pengadu dan saksi-saksi kelahiran tersebut. Oleh yang demikian, permohonan tersebut telah dirujuk ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK), JPN Shah Alam dan masih dalam tindakan bahagian berkenaan.

**FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

Tel. : 03-88807077

Faks : 03-88808288

27 September 2016

---

**'RAKYAT DI HATI JPN'**

